

14 SEP 2001

SEA-Hishammuddin

SUKAN ASIA, SUKAN KOMANWEL 2002 MATLAMAT BERIKUTNYA

JOHOR BAHRU, 14 Sept (Bernama) -- Setelah atlit negara menunjukkan prestasi menakjubkan dalam Sukan SEA yang sedang berlangsung di negara ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini mahu persiapan dibuat untuk membolehkan mereka mencapai pula kecemerlangan dalam Sukan Asia dan Sukan Komanwel, kedua-duanya pada tahun depan.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Huseein hari ini berkata beliau telah menerima arahan daripada Perdana Menteri agar persiapan rapi dibuat bagi atlit negara menghadapi Sukan Asia dan Sukan Komanwel 2002 sahaja temasya Sukan SEA ke-21 ini selesai dijalankan.

Program Gemilang 2001 yang mempersiapkan atlit untuk Sukan SEA di sini kini sudahpun berakhir dan pihaknya perlu bekerja keras bagi menyediakan program baru sebagai persediaan menghadapi Sukan Asia dan Sukan Komanwel 2002, katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke venue acara angkat berat di Dewan Serbaguna Taman Johor Jaya di sini.

Hishammuddin kemudiannya menyampaikan pingat kepada pemenang kategori angkat berat 105kg Snatch/Clean & Jerk Lelaki akhir.

Dalam acara itu, Therdkhiat Puekkasem dari Thailand memenangi pingat emas, Junaedi dari Indonesia pingat perak dan Jerry Nonong dari Malaysia pingat gangsa.

Sukan Asia 2002 akan dilangsungkan di Pusan, Korea Selatan, manakala Manchester di England akan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun yang sama. Malaysia telah menganjurkan Sukan Komanwel yang lepas pada 1998.

Hishammuddin yang gembira dengan prestasi skuad negara setakat ini berharap pungutan pingat akan terus meningkat sebelum temasya itu berakhir Isnin ini.

Sehingga tengah hari ini, Malaysia sudah mengutip sebanyak 66 pingat emas, catatan yang tertinggi untuk negara dalam sejarah Sukan SEA.

Beliau yakin sokongan padu rakyat Malaysia akan dapat menaikkan semangat juang atlit negara untuk terus menyumbangkan pingat.

"Saya harap rakyat negara ini akan keluar beramai-ramai untuk memberikan sokongan moral kepada atlit negara yang kini bersemangat tinggi," katanya.

Mengenai venue kejohanan yang di luar Lembah Klang, beliau berkata ia bagi membolehkan lebih ramai rakyat menyaksikan acara yang dipertandingkan.

-- BERNAMA

BH MAI